

Headline **Adun prihatin nasib 10,000 Mak Nyah di Pulau Pinang**
Date **06 May 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **138 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,882**
PRValue **5,645**



Adun prihatin nasib 10,000 Mak Nyah di Pulau Pinang

GEORGETOWN: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bunga, Teh Yeh Cheu, mendakwa ada kira-kira 10,000 Mak Nyah di Pulau Pinang tetapi kewujudan mereka tidak diiktiraf serta dipinggirkan oleh masyarakat.

Berucap membahaskan ucapan Yang di-Pertua Negeri di sidang Dewan Undangan Negeri, di sini, semalam, wakil DAP itu mendakwa masyarakat juga menganggap kehadiran golongan berkenaan sebagai satu penyakit sosial.

"Mereka ini (Mak Nyah) menderita zahir dan batin bukan kerana identiti gender mereka sebagai Mak Nyah, tetapi akibat pandangan negatif masyarakat.

"Tiada siapa boleh menafikan yang komuniti Mak Nyah diabaikan dari segi hak asasi dalam kehidupan

mereka. Kebajikan, kesihatan, pendidikan, pembangunan diri, perumahan dan banyak lagi keperluan asas hidup sebagai manusia biasa tidak diberi perhatian sewajarnya," katanya.

Teh berkata, ketika ini golongan Mak Nyah hanya menerima bantuan daripada Persatuan Perkembangan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang supaya mereka tidak tersisih.

"Mereka juga menerima

“Mereka ini menderita zahir dan batin akibat pandangan negatif masyarakat”

Teh Yeh Cheu
Adun Tanjung Bunga

perkhidmatan klinik kesihatan reproduktif supaya mengetahui penggunaan hormon, penerangan mengenai HIV/Aids, penyakit kelamin dan pemeriksaan tanpa diskriminasi," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap supaya pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri dan ahli politik memainkan peranan penting bagi memastikan nasib golongan Mak Nyah tidak tersisih.

"Saya ingin menyeru kerajaan negeri supaya memberi sokongan moral kepada program untuk 'transgender' yang dijalankan Persatuan Perkembangan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Datuk Arif Shah Omar Shah (BN-Seberang Jaya) ketika mencelah perbahasan, mencadangkan supaya Teh menjadi presiden kepada persatuan golongan Mak Nyah.